

KATA ALU-ALUAN MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

Warga pendidik, warga sekolah, murid-murid dan ibu bapa yang saya kasihi,

Pendidikan yang bermakna lahir daripada perancangan serta visi yang teliti, pelaksanaan yang berfokus dan nilai kemanusiaan yang memandu setiap langkah. Dalam konteks ekosistem pendidikan di peringkat sekolah, pendidikan bukan hanya berlaku di bilik darjah, tetapi tumbuh melalui budaya ilmu, hubungan kemanusiaan dan kerjasama seluruh warga sekolah. Justeru, penerbitan majalah sekolah merupakan cerminan perjalanan sebuah komuniti pendidikan, rakaman iltizam guru yang membimbing, usaha murid yang tidak pernah mengenal penat serta sokongan ibu bapa dan komuniti dalam membentuk masa depan negara. Tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi atas usaha gigih menerbitkan majalah sekolah ini. Semoga majalah ini menjadi dokumen sejarah yang menyimpan memori, membina inspirasi dan menyebarkan nilai pendidikan yang bermakna kepada generasi akan datang.

Tahun 2025 membuka lembaran baharu dalam usaha memajukan sistem pendidikan negara. Reformasi Pendidikan kini memasuki fasa pengukuhan melalui agenda Reformasi Sekolah yang menumpukan kepada kemenjadian murid secara menyeluruh serta pembangunan sekolah sebagai ekosistem yang hidup, manusiawi dan berdaya tahan. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada pengupayaan sekolah mengikut keperluan sebenar masing-masing melalui tiga kategori pembangunan, iaitu Sekolah Fokus, Sekolah Aspirasi dan Sekolah Inspirasi. Reformasi ini mengiktiraf potensi setiap sekolah untuk maju melalui usaha yang bersasar, terancang dan progresif.

Tahun ini turut mencatat detik penting dalam sejarah pendidikan negara dengan pelaksanaan Rang Undang-undang (RUU) Pendidikan (Pindaan) 2025 yang memastikan setiap anak di Malaysia mendapat pendidikan wajib sehingga peringkat menengah. Usaha ini mencerminkan komitmen terhadap hak kemanusiaan, keadilan sosial dan masa depan negara. Akses kepada pendidikan merupakan tanggungjawab bersama dan Kementerian Pendidikan melaksanakan intervensi secara konsisten dan sistematik bagi menangani isu keciciran yang bersifat pelbagai dimensi, termasuk faktor kemiskinan, geografi, psikososial dan kekangan keluarga.

Pada masa sama, kita melangkah ke arah pendidikan masa hadapan melalui fasa transisi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2026-2035 dan Kurikulum Persekolahan 2027. Reformasi ini membentuk sistem pendidikan yang lebih dinamik dan relevan, namun tetap berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Dalam perjalanan pendidikan negara, kita sedar bahawa sekolah tidak boleh bergerak sendirian. Seperti yang sering diungkapkan, *"It takes a village to raise a child"*. Justeru, setiap sekolah harus berkembang sebagai sebuah ekosistem yang hidup. Matlamat kita bukan sekadar melahirkan murid yang cemerlang dalam peperiksaan, tetapi insan yang beradab, berakhlak, mempunyai empati, menghormati perbezaan dan bertanggungjawab kepada masyarakat. Inilah asas pembentukan Generasi MADANI yang kita impikan. Kejayaan pendidikan memerlukan kebersamaan seluruh komuniti. Guru memimpin dengan bimbingan, ibu bapa mendidik dengan kasih sayang dan komuniti menyokong dengan kebersamaan.

Akhir bicara, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga pendidikan yang telah berbakti dengan penuh amanah. Setiap insan di sekolah memainkan peranan bermakna dalam membina kecemerlangan pendidikan. Guru besar memimpin arah, guru membimbing dengan kesabaran, pengawal keselamatan memastikan kesejahteraan, pekerja kebersihan menjaga persekitaran yang selesa dan pengusaha kantin menyediakan rezeki harian murid. Kesepaduan inilah yang menjadikan sekolah sebuah keluarga besar yang bersama-sama membina harapan, impian dan masa depan generasi. Semoga usaha bersama ini terus menyemarakkan kecemerlangan pendidikan dan melahirkan Generasi MADANI yang berilmu, berakhlak, berjati diri dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Dengan tekad yang padu dan semangat yang tidak pernah luntur, insya-Allah masa depan pendidikan negara akan terus gemilang.

YB FADHLINA SIDEK
Menteri Pendidikan